

122 aduan masalah jalan diselesai

KKR terima 2,201 laporan menerusi aplikasi MYJalan sejak diperkenalkan 24 Ogos lalu

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kerja Raya (KKR) sehingga kini menerima 2,201 aduan menerusi aplikasi MYJalan sejak diperkenalkan pada 24 Ogos lalu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata daripada jumlah itu, 1,086 aduan sudah diproses dengan 288 aduan membabitkan jalan raya negeri dan persekutuan.

Katanya, daripada 288 aduan membabitkan jalan raya itu, sebanyak 122 aduan sudah diselesaikan, manakala bakinya masih dalam tindakan.

“Masalah jalan raya yang bu-



Alexander (tengah) ketika meninjau gerai pameran selepas merasmikan Majlis Perasmian Hari Keselamatan dan Kesihatan, Kemampanan Alam Sekitar dan Kualiti (SHEQ) 2023 di WTCKL, semalam. (Foto Ahmad Ukasyah/BH)

kan berada di bawah bidang kuasa KKR, kita sudah maklumkan kepada pihak yang berkaitan,” katanya kepada media selepas merasmikan Hari Keselamatan dan

Keselamatan, Kemampanan Alam Sekitar dan Kualiti (SHEQ 2023) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini, semalam.

Jamin hak pengguna terjaga
Turut hadir, Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Mohd Zaid Zakaria.

MyJalan adalah platform aduan setempat bagi memudahkan pengguna membuat aduan dan semua jenis aduan jalan akan di terima walaupun yang bukan diselenggara KKR.

Kempen MYJalan bagi menggalakkan orang ramai menyalurkan maklumat supaya kerosakan jalan raya, perabot jalan, lampu jalan dan lampu isyarat dapat dibaik pulih segera selaras prinsip ‘No Wrong Door Policy’ atau dasar menyalurkan maklumat.

Alexander berkata, beliau sudah mengadakan perbincangan bersama CIDB mengenai aduan yang membabitkan kerja pengu-bahsuaian dalaman rumah yang tidak memuaskan.

“Perkara ini mungkin berpunca daripada kontraktor yang tidak diiktiraf. CIDB bersetuju pada masa terdekat untuk mengadakan perjumpaan dengan kontraktor dan persatuan pengguna.

“Kita ingin memastikan hak pengguna terjaga. Kita tidak mahu ada yang tertipu dengan kontraktor ataupun mana-mana pihak berkaitan pengu-bahsuaian dalaman rumah,” katanya.

Advertorial

AmGeneral Insurance Berhad Meraikan Identiti Baharu: Liberty General Insurance Berhad



Kuala Lumpur: AmGeneral Insurance Berhad kini dengan bangga dikenali sebagai Liberty General Insurance Berhad (“Liberty”), memperkukuh kedudukan mereka sebagai sebuah syarikat insurans am terkemuka di Malaysia.

Dengan keberadaan Liberty General Insurance Berhad di barisan hadapan industri, rakyat Malaysia boleh menjangkakan pilihan-pilihan insurans yang terbaik memandangkan syarikat insurans tersebut berhasrat untuk menyediakan pelan-pelan yang lebih menyeluruh dan komprehensif selaras dengan keperluan mereka.

Liberty mengemudi perjalanan yang cukup mengujakan menerusi perkhidmatan yang disediakan kepada lebih tiga juta pelanggan serta lebih 8,000 ejen dan rakan yang cukup berdedikasi. Perkhidmatan yang disediakan dari tiga jenama terkemuka - Liberty Insurance, Kurnia Insurans, dan AmAssurance - jenama-jenama ini menjanjikan rangkaian lipu-

tan yang unik dan meluas, merangkumi motor, rumah, perniagaan dan insurans kesihatan.

Syarikat insurans tersebut juga teruja untuk mengkonsolidasikan lokasi terbaharu mereka - Menara Liberty Insurance.

Terletak di Pavillion Damansara Heights, ibu pejabat baharu tersebut mengumpulkan pasukan tenaga kerja yang teguh di bawah satu bumbung, membolehkan pelbagai perspektif dari latar belakang yang pelbagai untuk bekerjasama sebagai sebuah pasukan demi memberikan perkhidmatan yang lebih baik untuk para pelanggan.

Selari dengan salah satu nilai yang diterapkan oleh Liberty, “Menjadikan Sesuatu Lebih Baik,” syarikat tersebut mempunyai visi untuk menjadi tempat kerja terbaik dengan menerapkan nilai-nilai inklusif dan mewujudkan persekitaran kerja yang fleksibel untuk memacu daya inovasi.

“Matlamat kami adalah untuk terus memenuhi tujuan kewujudan kami: membantu orang ramai, para pelanggan dan masyarakat setempat untuk menjalani hari ini dan membina hari esok dengan penuh keyakinan dalam dunia yang semakin mencabar, di-

“Kami teruja dengan pelbagai kemungkinan yang dibawakan hasil penggabungan ini memandangkan ia membolehkan kami memberikan hanya yang terbaik”

Puneet Pasricha (Pasha),
Ketua Pegawai Eksekutif Liberty General Insurance Berhad

bimbing oleh mantra integriti, keunggulan dan pembangunan,” ujar Puneet Pasricha (Pasha), Ketua Pegawai Eksekutif Liberty General Insurance Berhad.

“Kami teruja dengan pelbagai kemungkinan yang dibawakan dari hasil penggabungan ini memandangkan ia membolehkan kami memberikan hanya yang terbaik. Saya yakin bahawa kami akan semakin dikenali sebagai salah sebuah pemain utama insurans,” kata beliau.

Pasha turut memperjelaskan bahawa Liberty kini sedang menggerakkan misi untuk bergelar syarikat insurans dengan keuntungan terbesar, syarikat insurans pilihan selaku jenama yang paling dipercayai di Malaysia dan mempunyai persekitaran kerja

yang terbaik.

Misi ini akan dipacu oleh pengunderaitan dan inovasi produk terbaik, dengan memanfaatkan dapatan analitik dan data, serta kemajuan teknologi, pengalaman khidmat pelanggan yang luar biasa serta pengamalgan DEI dan ESG yang bertanggungjawab.

Pemeriksaan prestasi tenaga kerja akan membantu kami merealisasikan matlamat-matlamat kami dengan membina budaya berprestasi tinggi, inklusif dan saksama di mana tenaga kerja dari pelbagai latar belakang bersama-sama berganding bahu dan terus menuju matlamat yang sama.

Selari dengan prinsip-prinsip utama syarikat iaitu integriti, keunggulan dan pembangunan, semua orang kini boleh menikmati

kebebasan dalam melakukan perkara yang mereka suka, menyedari bahawa kewangan mereka dilindungi sepenuhnya bersama yang tersayang.

“Keutamaan kami ialah memperkukuh hubungan kami dengan para pelanggan dan pihak yang berkepentingan. Ketahuilah bahawa anda sentiasa boleh bergantung harap dengan Liberty selaku syarikat insurans yang boleh anda percayai.” ujar Pasha.

Sebagai sebahagian daripada penggabungan yang berkuatkuasa mulai 1 April tahun ini, Liberty telah memasuki jalinan kerjasama bankasurans eksklusif selama 20 tahun untuk mengedarkan produk-produk insurans umum dengan AmBank Group, yang kini mempunyai pegangan saham Liberty sebanyak 30%.

Liberty General Insurance merupakan sebuah anak syarikat Liberty Mutual Insurance, yang telah memperoleh 100% saham AmGeneral Insurance mulai Julai 2022. Sebelum ini, AmGeneral dimiliki oleh AmBank Group (51%) dan Insurance Australia Group (49%).

Untuk maklumat lanjut mengenai Liberty General Insurance, layari www.libertyinsurance.com.my.